

Modul 4 : Panduan Pengguna Urusetia OSC

Sistem OSC Online

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Versi 8 Mac 2014



ISI KANDUNGAN

1.0 Pengenalan.....	4
1.1 Platform untuk Semua	4
1.2 Komponen Sistem OSC Online	4
2.0 Akses ke Sistem OSC Online	8
2.1 Log Masuk	10
2.2 Menu Utama Urusetia OSC	11
2.3 Tab Urusetia OSC	12
3.0 Terima Permohonan dan Perkhidmatan	13
3.0.1 Gambaran Keseluruhan.....	13
3.1 Terima Dan Semak/ Edar Dokumen Permohonan e-Penyerahan	14
a. Gambaran Keseluruhan	14
b. Mengenai Perkhidmatan Ini	14
c. Penggunaan Perkhidmatan Ini.....	15
3.1.1 Terima Permohonan	17
3.1.2 Menyemak Permohonan	18
3.1.2.1 Ulasan Senarai Dokumen	19
3.1.2.2 Tambah Dokumen	20
3.1.2.3 Hantar Permohonan ke Peringkat Seterusnya	21
3.1.3 Menjana Borang Kesediaan Pemeriksaan Interim dan Pemakluman Pemeriksaan Akhir	24
3.1.4 Edar Permohonan	29
3.2 Terima Dan Semak/Edar e-Permintaan Perkhidmatan	31
A. Gambaran Keseluruhan	31
B. Mengenai Perkhidmatan	31
C. Penggunaan Perkhidmatan	31
3.2.1 Menerima Dan Memproses Permintaan e-Perkhidmatan.....	34
3.2.2 Semakan Dokumen.....	35
3.2.4.1 Akses Permohonan yang telah Diproses	43
3.3 Terima, Edar Dan Jawab E-Aduan.....	44
3.3.2 Maklumbalas Aduan.....	46
3.3.3 Maklumbalas e-Aduan	47
3.4.2 Maklumbalas e-Tanya	53
3.4.3 Maklumbalas e-Tanya	54
3.5.1 Gambaran Keseluruhan	57
3.5.2 Mengenai Perkhidmatan	57
3.5.3 Penggunaan Perkhidmatan	57
3.5.4 Akses Perkhidmatan	57
3.5.4.1 Akses Permohonan Terima Borang	59
3.5.4.2 Proses Muat Naik Borang	60
4.0 Pantau Perkhidmatan.....	61
a. Gambaran Keseluruhan	61
B. Mengenai Sub Sistem	61
C. Penggunaan Perkhidmatan Ini	61
4.1 Kronologi Pendaftaran Projek Dan Permohonan	62
4.1.1 Melihat Maklumat Projek	63
4.2.1 Akses Maklumat Projek	65
4.2.1.1 Kemaskini Maklumat Projek	66

4.3 Pantau Pendaftaran PSP/SP	68
4.3.1 Akses Perkhidmatan	68
4.3.2 Menyemak Maklumat PSP/SP.....	69
4.3.3 Membuat Pengesahan Pendaftaran PSP/SP	70
4.3.4 Membuat Pendaftaran PSP/SP	71
4.3.4.1 Muatnaik Dokumen	72
4.3.4.2 Pendaftaran Berjaya	73
4.4 Pantau Pendaftaran Pemilik Projek/ Pemaju	74
4.4.1 Carian Untuk Pemilik Projek/Pemaju	74
4.5 Pantau Agenda dan Minit Mesyuarat	76
Bagi pengguna Urusetia OSC yang menjadi ahli-ahli Mesyuarat boleh memantau Agenda dan Minit Mesyuarat.	76
5.4.1.1 Akses Agenda Mesyuarat Jawatankuasa OSC	77
4.5.1.2 Akses Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC	79
4.6 Statistik Permohonan.....	80
4.6.2 Lihat Statistik Permohonan	82
4.6.3 Paparan Terperinci Statistik Permohonan.....	83
4.7 Pantau e-Bayaran	84
4.7.1 Akses Perkhidmatan	84
4.7.2 Membuat Ulasan.....	85
4.8 e-Kad Laporan	86
4.8.1 Akses Perkhidmatan	86
4.8.2 Melihat e-Kad Laporan	87
4.9.1 Akses e-Rujukan	89
6.0 Lupa Kata Laluan	91
6.1.1 Permintaan Berjaya.....	92
7.0 Glosari	93

1.0 Pengenalan

1.1 Platform untuk Semua

Selamat Datang ke Sistem **OSC Online!** Sistem ini adalah sebuah sistem yang direka untuk komunikasi, memproses serahan permohonan, memproses permohonan untuk kawalan pemajuan (*Development Control*). Dalam kata lain, ianya adalah satu platform untuk semua pengguna seperti dibawah :-

- i) Pemilik Projek / Pemaju Projek
- ii) Principal Submitting Person (PSP)/Submitting Person (SP),
- iii) Orang Awam,
- iv) Urusetia OSC,
- v) Agensi Teknikal Dalaman PBT (AT Dalaman),
- vi) Agensi Teknikal Luaran (AT Luaran) dan
- vii) Jawatankuasa OSC.

Ianya disediakan di dalam platform Java yang mempunyai ciri-ciri pelbagai fungsi dan berintegrasi. Panduan ini adalah salah sebuah siri-siri panduan untuk rujukan oleh Pengguna **Urusetia OSC**. Panduan-Panduan lain adalah Panduan Rujukan untuk **Pemilik Projek / Pemaju Projek, Orang Awam, Principal Submitting Person (PSP) / Submitting Person (SP), Agensi Dalaman PBT, Agensi Teknikal Luaran, Jawatankuasa Teknikal/OSC dan juga Pentadbir Sistem**.

1.2 Komponen Sistem OSC Online

Sistem OSC Online ini membolehkan pengguna Sistem OSC Online untuk melaksanakan tugas dalam bentuk elektronik dan dalam talian (online) seperti perigkat-peringkat yang dinyatakan dibawah :-

1. Penyerahan permohonan,
2. Memproses Permohonan,
3. Ulasan untuk Permohonan
4. Penyediaan Kertas Kerja untuk Mesyuarat Teknokal/OSC, dan
5. Menyelaras Mesyuarat Teknikal/OSC

Peringkat 1 dilaksanakan oleh Pemilik Projek/Pemaju Projek dan PSP/SP. Peringkat 2 dan 5 akan dibincangkan di rujukan Urusetia OSC Online. Peringkat 2, 3 dan 4 akan dibincangkan di dalam rujukan AT Dalaman. Peringkat 3 akan dibincangkan di dalam rujukan AT luaran.

Termasuk dalam sistem **OSC Online** ini adalah sistem-sistem seperti dibawah:-

A) **OSC Online** yang terdiri dari :-

- i) **e-Penyerahan.** Ini adalah sistem untuk menyerah semua jenis permohonan berkenaan dengan Kawalan Pemajuan (Development Control) untuk PSP/SP dan Pemilik Projek/Pemaju Projek yang mendaftar projek baru.
- ii) **e-Pemprosesan.** Ini adalah sistem untuk memprosesan semua jenis perkhidmatan berkenaan dengan Kawalan Pemajuan (Development Control) untuk Urusetia OSC, AT Dalaman, AT Luaran dan Jawatankuasa Teknikal/OSC.
- iii) **e-Komunikasi** sebagai suatu platform komunikasi untuk pengguna-pengguna seperti Pemilik Projek/Pemaju Projek, Orang Awam, PSP/SP. Antara perkhidmatan tersebut adalah e-Rujukan, e-Panduan, e-Tanya , e-Aduan, e-Kad Laporan dan e-Pembayaran.
- iv) **e-Pemantauan** untuk Urusetia OSC, AT Dalaman dan AT Luaran melihat dan memantau perkembangan permohonan dan pendaftaran; dan juga maklumbalas untuk pertanyaan, aduan dan pembayaran

B) Untuk menyenangkan penerangan untuk latihan dan penggunaan, sistem diatas telah diasingkan untuk kegunaan 6 kumpulan pengguna iaitu :-

- i) Untuk Pemilik Projek/Pemaju Projek dan PSP/SP, adalah **Sistem e-Penyerahan** untuk mereka melakukan permohonan dan permintaan untuk **PSP/SP** dan **sistem sokongan** sebagai sistem sokongan untuk e rujukan, e panduan, e pertanyaan, dan e aduan untuk malaksanakan tugas Peringkat 1 seperti diatas.
- ii) Untuk Orang Awam, adalah **Sistem Sokongan e penyerahan** untuk e rujukan, e panduan, e pertanyaan, maklumbalas dan aduan **Orang Awam**.
- iii) Untuk Urusetia OSC adalah Sistem **Urusetia OSC Online** untuk

melaksanakan tugas Peringkat 2 dan 5 diatas.

- iv) Untuk AT Dalaman adalah **e-Agenzi Teknikal Dalaman** untuk melaksanakan Peringkat 3 dan 4 diatas.
- v) Untuk AT Luaran, **e-Agenzi Teknikal Luaran** untuk melaksanakan tugas Peringkat 3 diatas.
- vi) Untuk ahli Jawatankuasa Mesyuarat Teknikal/OSC, e Jawatankuasa Teknikal/OSC untuk melaksanakan tugas Peringkat 5 diatas.

1.3 Mengenai Rujukan Ini Dan E-Rujukan

Rujukan Sistem OSC Online ini adalah suatu panduan yang lengkap kepada pengguna untuk mempelajari setiap proses dalam Sistem OSC Online . Ini adalah versi kelima setelah penambahbaikan terhadap Sistem OSC Online sendiri memerlukan penambahbaikan terhadap rujukan ini. Disamping itu terdapat ciri-ciri Langkah-Langkah tambahan *Proses Online* yang telah di terangkan (*highlighted*).

Tambahan kepada Rujukan ini, Sistem e Rujukan juga akan disediakan di Portal OSC Online. Sila rujuk pada siri *Manual Rujukan* untuk **Pemilik Projek/Pemaju Projek** atau **PSP/SP** dan **Orang Awam** untuk mendapatkan akses untuk sistem ini.

1.4 Penggunaan Panduan Ini

Anda boleh membacanya secara menyeluruh sebagai sebuah buku untuk mengendalikan sistem ini, mungkin pada peringkat permulaan dan seterusnya sebagai rujukan dengan mencari bahan-bahan yang anda inginkan dengan membaca rujukan tajuk-tajuk yang diinginkan.

Sekiranya anda melihat *e Rujukan*, secara *online*, hubungan ([link](#)) akan berada di dalam sistem untuk layaran yang cepat melalui tajuk-tajuk yang ada. Untuk mereka yang lebih gemar untuk mencetak dan membaca salinan “*hardcopy*”, sila rujuk kepada isi kandungan untuk mencari tajuk yang ingin anda lihat. Untuk membuat rujukan ini lebih senang difahami disepanjang rujukan, terdapat **simbol-simbol** tertentu seperti dibawah.

Penerangan Simbol

Bold di dalam perenggan adalah **Arahan** dan **Butang**

Italic di dalam perenggan adalah *Ilustrasi* atau *parameter* yang perlu diisi.

Proses Online adalah untuk rujukan langkah yang perlu dibuat (*contoh dibawah*).

Proses Online (1.1): Akses

- I. **Klik** ikon Mozilla Firefox di PC.
- II. **Taipkan** <http://www.epbt.gov.my> pada ruang alamat (address), tunggu untuk skrin seperti dibawah, *Ilustrasi 1*.
- III. **Klik** pautan OSC Online dan Skrin *Ilustrasi 2* akan dipapar.

* **Nota** adalah panduan tambahan untuk pengguna.

Nota: Nombor dari ruangan navigasi ID Projek akan bertukar dari warna biru ke warna merah jika ID Projek tersebut pernah dilihat sebelum ini.

2.0 Akses ke Sistem OSC Online

Akses Sistem OSC Online merupakan proses yang pertama untuk sistem ini. Untuk **Urusetia OSC**, akses sistem boleh dicapai dengan mengakses laman web utama PBT di <http://www.pbt.gov.my> melalui perisian *Mozilla Firefox* yang merupakan perisian layaran *internet* terkini.



Ilustrasi 1: Skrin Utama PBT

Proses Online (2.0): Akses

- i. Klik ikon *Mozilla Firefox* di PC.
- ii. Taipkan nama PBT. Dapatkan URL dan KLIK pada URL Tersebut dan tunggu untuk skrin seperti diatas, *Ilustrasi 1*.
- iii. Klik pautan OSC Online dan Skrin *Ilustrasi 1a* akan dipapar.

Setelah itu anda akan mendapat akses untuk **OSC Online** seperti diilustrasi dibawah. Tekan pautan OSC **e-Pemprosesan** untuk mendapatkan akses untuk e-Pemprosesan.



Ilustrasi 1a : Skrin Menu Utama Perkhidmatan

Proses Online (2.0): Akses

- I. **Klik** pada pautan **e-Pemprosesan** untuk mendapatkan e-Pemprosesan.
- II. **Sila pilih Jenis Pengguna** anda

2.1 Log Masuk

Selepas anda **Klik** pada butang **Jenis Pengguna**, sebagai langkah keselamatan dan juga untuk akses masuk ke domain (*kawasan*) anda, anda dikehendaki untuk **Log Masuk** ke Sistem **OSC Online**. **Log Masuk** adalah dengan menggunakan **No Kad Pengenalan** dan **Kata Laluan** anda di Skrin **Log Masuk** seperti di *Ilustrasi 2*.

Bagi pengguna yang belum mendaftar,sila rujuk **Modul Pendaftaran Pengguna** yang telah disediakan.Pengguna boleh mendaftar sendiri atau pihak **Pentadbir Sistem** boleh mendaftarkan bagi pihak anda.



Ilustrasi 2: Halaman Log Masuk Sistem


Proses Online (2.1): Akses

- I. **Klik** medan **No Kad Pengenalan** dan masukkan **No Kad Pengenalan** anda
- II. **Klik** medan **Kata Laluan** dan taipkan **Kata Laluan** anda
- III. **Klik** butang **Log Masuk** untuk masuk kedalam sistem

Nota: *Nama Pengguna* akan ditag dengan Jabatan yang berkenaan. *Kata Laluan* yang betul di *Log Masuk* akan memaparkan Skrin *Pengguna* anda dan anda hanya boleh mengakses tab untuk Agensi anda. Sila beri tahu kepada *Pengurus Sistem* sekiranya akses diberi untuk Agensi lain.

2.2 Menu Utama Urusetia OSC

Seperti yang telah di nyatakan terdahulu dalam pengenalan, sistem untuk **Urusetia OSC** adalah Sistem *e-Pemprosesan* dan Sistem *e-Pemantauan*. Secara “*default*” selepas anda log masuk, kedua-dua sistem yang disebut diatas akan dipaparkan seperti di *Ilustrasi 3* dibawah.



Ilustrasi 3: Skrin Menu Utama Urusetia OSC

Item-item untuk **e-Pemprosesan** bagi **Urusetia OSC** adalah seperti di bawah:-

2.3 Tab Urusetia OSC

Urusetia OSC mempunyai 2 sub sistem utama iaitu:

3.0 Terima Permohonan dan Perkhidmatan.

- 3.1 Terima dan Semak/ Edar Dokumen Permohonan e-Penyerahan
- 3.2 Terima dan Semak/ Edar Dokumen Permintaan e-Perkhidmatan
- 3.3 Terima, Edar dan Jawab e-Aduan
- 3.4 Terima, Edar dan Jawab e-Tanya
- 3.5 Terima Borang

4.0 Pantau Projek/Permohonan, Pemilik Projek, PSP

- 4.1 Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan
- 4.2 Pantau Pendaftaran Projek dan Permohonan
- 4.3 Pantau Pendaftaran PSP/SP
- 4.4 Pantau Pendaftaran Pemilik Projek
- 4.5 Pantau Agenda dan Minit Mesyuarat
- 4.6 Statistik Permohonan
- 4.7 Pantau e-Bayaran
- 4.8 Pantau e-Kad Laporan
- 4.9 e-Rujukan

Seperti yang telah dinyatakan di peringkat pengenalan, *Terima Permohonan dan Perkhidmatan*, adalah sistem untuk penerimaan dan pemprosesan semua jenis perkhidmatan berkenaan dengan *Kawalan Pemajuan (Development Control)* dan *Pantau Projek, Pemilik Projek, dan PSP*, adalah sistem untuk *Urusetia OSC* melihat dan memantau perkembangan *permohonan dan pendaftaran*; dan juga maklumbalas untuk pertanyaan, aduan dan pembayaran.

3.0 Terima Permohonan dan Perkhidmatan

3.0.1 Gambaran Keseluruhan

Sub Sistem ini adalah suatu sistem yang direka untuk memproses penerimaan permohonan/perkhidmatan, memproses permohonan/perkhidmatan dan maklumbalas permohonan/perkhidmatan kepada PSP/SP untuk permohonan *kawalan pemajuan (development control)* dan perkhidmatan tambahan selain 32 permohonan dibawah e-permohonan.

Terdapat beberapa tiga jenis Perkhidmatan iaitu:-

- i) Perkhidmatan Permohonan dan Permintaan Kawalan Pemajuan,
- ii) Perkhidmatan Maklumbalas dan Edaran untuk e-Komunikasi
- iii) Perkhidmatan Penerimaan Borang-borang untuk penyelarasan *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* atau Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan.

Perlaksanaan Perkhidmatan Permohonan & Permintaan Kawalan Pemajuan adalah dengan menggunakan sub sistem *3.1 Terima dan Semak/ Edar Dokumen Permohonan e-Permohonan* dan *3.2 Terima dan Semak/Edar Dokumen Permintaan e-Permintaan Perkhidmatan*.

Perlaksanaan Perkhidmatan Maklumbalas dan Edaran untuk e-Kommunikasi seperti sistem *3.3 Terima, Edar dan Jawab e-Aduan* dan *3.4 Terima, Edar dan Jawab e-Pertanyaan*

Perlaksanaan Perkhidmatan Penerimaan boring-borang untuk penyelarasan *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* adalah dengan menggunakan sub sistem *3.5 Terima Borang*.

3.0.2 Mengenai Terima Permohonan Dan Perkhidmatan

Sub Sistem ini membolehkan secara keseluruhan memproses perkhidmatan untuk menerima permintaan perkhidmatan, menyemak senarai semak perkhidmatan, mengedar serahan untuk ulasan (*sekiranya perlu*), maklumbalas kepada PSP/SP, dan menyediakan kertas kerja untuk mesyuarat (*di peringkat AT Dalaman untuk 3.1*).

Ianya adalah sistem berintegrasi sepenuhnya untuk perkhidmatan-perkhidmatan PBT seperti permohonan kawalan pemajuan, perkhidmatan tambahan lain dan perlaksanaan sistem CCC.

Sub Sistem ini merupakan “back end” untuk **OSC Online**, Sistem e-Pemprosesan akan mengambil alih tugas untuk melakukan Penerimaan dan Pemprosesan sehingga ketahap kelulusan permohonan atau permintaan selepas PSP/SP telah melaksanakan penyerahan permohonan dan permintaan di *e-Penyerahan*.

3.1 Terima Dan Semak/ Edar Dokumen Permohonan e-Penyerahan

a. Gambaran Keseluruhan

Perkhidmatan ini adalah sebuah sistem yang direka untuk penerimaan permohonan, memproses permohonan dan maklumbalas perkhidmatan kepada PSP/SP untuk permohonan kawalan pemajuan (*development control*).

Terdapat beberapa peringkat untuk Perkhidmatan ini, iaitu :-

- i) Penerimaan dan Semak Dokumen (*dilaksanakan oleh Urusetia OSC*).
- ii) Edar atau Maklumbalas (*dilaksanakan oleh Urusetia OSC*).
- iii) Semakan Terperinci dan Lawatan Tapak (*dilaksanakan oleh staff AT Dalaman dan Luaran*).
- iv) Penyediaan Kertas Kerja (*Dilaksanakan oleh AT Dalaman*).

Perkhidmatan 1 dan 2 akan dibincangkan di rujukan ini dan peringkat 3 dan 4 akan dibincangkan di dalam rujukan AT Dalaman dan Luaran dibawah *Sub Sistem e-Pemprosesan*.

b. Mengenai Perkhidmatan Ini

Perkhidmatan ini membolehkan pemprosesan perkhidmatan untuk menerima permohonan, menyemak senarai semak dokumen permohonan (*diperingkat Urusetia OSC*), mengedar serahan untuk ulasan dan maklumbalas kepada PSP/SP untuk permohonan Kawalan Pemajuan (*Development Control*).

Ianya adalah sistem elektronik berintegrasi sepenuhnya untuk permohonan kawalan pemajuan seperti *permohonan-permohonan Perihal Tanah, Kebenaran Merancang, Kelulusan Pelan Bangunan dan Kelulusan Pelan Kejuruteraan*.

c. Penggunaan Perkhidmatan Ini

Kepada **Urusetia OSC**, perkhidmatan ini bertujuan untuk menerima permohonan dan menyemak keperluan-keperluan PBT seperti dokumen-dokumen, pelan-pelan, laporan-laporan dan lain-lain dari permohonan dan edaran permohonan kepada semua pihak AT Dalaman dan Luaran untuk semakan terperinci dan ulasan.

Dalam sistem **OSC Online** terdapat kemudahan untuk (sehingga) **Tiga Peringkat Semakan** untuk Urusetia OSC. Tugasan untuk **Penyemak-penyemak 1, 2 dan 3** bergantung kepada jenis permohonan dan juga keperluan penyemak. Penyemak adalah peranan yang ditetapkan di dalam sistem OSC Online yang boleh digunakan oleh seorang atau ramai pengguna. Apabila pihak PSP/SP menghantar pemohonan kepada pihak Urusetia OSC, pihak penyemak pertama, kedua dan ketiga akan mendapat secara serentak permohonan yang telah dihantar oleh pihak PSP/SP. Ini disebabkan proses semakan adalah berdasarkan konsep terbuka dan tidak memerlukan penghantaran ulasan daripada penyemak utama ke penyemak kedua dan seterusnya ke penyemak ketiga (Terakhir).

Peringkat proses semakan adalah diterangkan seperti berikut :-

- i) Setiap penyemak boleh membuat semakan dan ulasan secara serentak tanpa perlu menunggu penyemak yang terdahulu siap.
- ii) Penyemak pertama dan penyemak kedua boleh membuat pembetulan atau kemaskini semula semakan atau ulasan sekiranya pihak penyemak ketiga masih belum menghantar ulasan permohonan ke peringkat seterusnya.
- iii) Selepas membuat semakan dan ulasan, hanya penyemak ketiga sahaja yang akan menghantar permohonan yang telah disemak dan diulas oleh penyemak pertama dan kedua ke peringkat seterusnya.

Fungsi - fungsi diatas adalah tugasan yang disediakan untuk PBT. Tetapi, sistem ini boleh ditetapkan untuk Penyemak 1,2 atau/ dan 3 untuk membuat tugas-tugasan diatas, bergantung kepada keperluan. Untuk itu, pihak pengurusan PBT perlu untuk menetapkan tugas-tugas untuk peranan dan tugas ini untuk individu-individu berkenaan untuk melaksanakan tugas-tugas untuk memproses permohonan. Dibawah adalah penerangan terperinci untuk tugas-tugas yang disediakan.



ID Permohonan	Jenis Permohonan	Peringkat Sekarang (Status)	Tarikh Diserah	Tarikh Diserah Semula
102319-1	A07-Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	Semak Dan Edar (Proses)	15 May 2014, 15:00	
100334-3	A10-Pelan Bangunan	Semak Dan Edar (Proses)	21 May 2014, 15:32	
102332-2	A12-Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	Semak Dan Edar (Proses)	24 Jun 2014, 12:00	
102327-2	B01-Pelan Bangunan	Semak Dan Edar (Proses)	26 Jun 2014, 09:17	

[Awal Sebelum] [12](#).[13](#).[14](#).[15](#).[16](#).[17](#).[18](#).[19](#)

184 rekod , paparan 181 hingga 184.
Permohonan yang telah diproses

Ilustrasi 4: Skrin Terima dan Semak/Edar Dokumen Permohonan e-Penyerahan

Proses Online (3.1): Pilihan

- Klik pautan **ID Permohonan** untuk melihat maklumat permohonan dan memproses permohonan
- Klik pada pautan “**Carian**”, sila masukkan **ID Projek**, **Nama Projek**, **Kategori Projek** atau **Mukim** untuk membuat carian dengan lebih mudah, Seterusnya sila klik butang “**Cari**” .

Nota : Nombor dari ruangan navigasi ID Permohonan akan bertukar dari warna biru ke warna hitam jika ID Permohonan tersebut pernah dilihat sebelum ini dan telah diproses, tetapi masih belum dihantar ke peringkat seterusnya. Hanya projek-projek yang telah diserah dan diisyiharkan oleh PSP/SP akan berada di skrin ini.

3.1.1 Terima Permohonan

Maklumat keseluruhan projek dan permohonan beserta dokumen (*diserahkan oleh PSP/SP melalui e Penyerahan*) akan dipaparkan seperti di *Ilustrasi 5 Skrin Maklumat Keseluruhan Projek*. Terdapat beberapa tugasan untuk Urusetia OSC yang perlu laksanakan seperti berikut:-

- i) *Menyemak Dokumen Permohonan.* **Butang Ulasan Senarai Dokumen** perlu ditekan untuk menyemak Senarai Dokumen yang dihantar daripada pihak **PSP/SP** bagi **Urusetia OSC**.
- ii) *Edar Permohonan.* **Butang Edar Permohonan** perlu ditekan untuk menghantar permohonan kepada Jabatan Dalaman untuk tindakan seterusnya dan Luaran untuk ulasan.



ilustrasi 5(a): Skrin Pilih Tugasan Urusetia OSC

Proses Online (3.1.1): Pilihan

- i) **Klik** butang **Ulasan Senarai Dokumen** untuk membuat semakan pematuhan dengan senarai dokumen.
- ii) **Klik** butang **Edar Permohonan** untuk mengedara permohonan kepada **AT Dalaman** dan **AT Luaran**.

3.1.2 Menyemak Permohonan

a. Gambaran Keseluruhan

Sebagai sebuah sistem menyeluruh, sistem ini direka untuk semua jenis tugas di semua peringkat pengguna. Secara keseluruhan, tugas membuat Ulasan Senarai Dokumen adalah tugas yang terpenting untuk Urusetia OSC membuat semakan dokumen permohonan untuk pematuhan keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak Undang-undang Negara dan Negeri dan juga Garispanduan PBT.

Untuk itu, Senarai Semak Dokumen untuk Urusetia OSC adalah yang paling banyak merangkumi semua keperluan dokumen AT Dalaman dan AT Luaran. Disamping itu terdapat 3 penyemak untuk Urusetia OSC. Senarai Semak Dokumen Urusetia OSC merupakan ciri utama semakan dokumen di peringkat ini dimana senarai adalah:-

- i) Dipiawaikan untuk kefahaman semua pengguna.
- ii) Boleh ditambah untuk keperluan terkini.
- iii) Dibolehkan untuk pertukaran untuk keperluan permohonan semasa (akan diurus oleh pentadbir).

Senarai Semak Dokumen Urusetia OSC juga merupakan keperluan dokumen setiap AT Dalaman dan Luaran :-

- i) Keperluan dan kehendak setiap jabatan untuk setiap permohonan di ambil kira.
- ii) Keperluan semakan diperincikan untuk setiap keperluan yang kritikal.

Senarai Semak Dokumen Urusetia OSC disemak sehingga 3 penyemak oleh jabatan memproses untuk semakan yang lebih effektif untuk pengkelasan semakan mengikut keperluan PBT di peringkat berikut:

Oleh itu, semua peringkat penyemak boleh membuat semakan dan ulasan secara serentak. Penyemak pertama dan kedua boleh membuat pembetulan dan kemaskini sekiranya pihak penyemak ketiga masih belum menghantar permohonan ke peringkat seterusnya.

b. Mengenai Perkhidmaan Ini

Sistem ini direka untuk membolehkan Urusetia OSC untuk memproses permohonan dengan menggunakan senarai semak dokumen untuk keperluan dokumen untuk memproses permohonan berkenaan kawalan pemajuan. Terdapat 3 tugasan untuk dilakukan semasa membuat Semakan Pematuhan iaitu :-

- 3.1.2.1 Ulasan Senarai Dokumen
- 3.1.2.2 Tambahan Dokumen
- 3.1.2.3 Hantar Permohonan ke Peringkat Seterusnya

3.1.2.1 Ulasan Senarai Dokumen

Senarai Semak Dokumen

ID Projek	:	102332
Jenis Permohonan	:	A12-Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan
Peringkat Pemeriksaan	:	Ulasan Peringkat Terakhir

Dokumen yang tidak dipatuhi :

-Pilih- Sila taip untuk carian...

Senarai Dokumen Yang Tidak Dipatuhi:

PSP/SP belum menerima makluman berkenaan Dokumen yang perlu dipinda. (**Tiada Pindaan**)

Ulasan :

ii

Ulasan Pemeriksaan Pertama : Tiada rekod

Ulasan Pemeriksaan Kedua : Tiada rekod

Ulasan Pemeriksaan Terakhir : Tiada rekod

[">>>>e-Rujukan<<<](#)

Ilustrasi 6: Skrin 'Popup' Ulasan Senarai Semak Dokumen

Proses Online (3.1.2.1): Semakan

- i) **Sila** pilih senarai **Dokumen yang tidak dipatuhi** dengan klik pada dropdown seperti diatas
- ii) **Sila** taipkan **Ulasan** yang berkaitan dengan Dokumen yang tidak dipatuhi.
- iii) Setelah memilih Dokumen yang tidak dipatuhi dan membuat Ulasan yang berkaitan, sila klik butang "**Simpan**" untuk menyimpan maklumat yang telah dibuat.
- iv) **Klik** pautan **e-Rujukan** untuk melihat rujukan senarai semak

3.1.2.2 Tambahan Dokumen

Sekiranya anda memerlukan penambahan Dokumen yang tidak Dipatuhi semasa membuat Semakan dan Ulasan Senarai Dokumen, anda boleh buat dengan klik pada butang “**Tambah**” seperti di ilustrasi 7 di bawah. tertera.

Senarai Semak Dokumen

ID Projek	:	102332
Jenis Permohonan	:	A12-Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan
Peringkat Pemeriksaan	:	Ulasan Peringkat Pertama

Dokumen yang tidak dipatuhi : -Pilih- Sila taip untuk carian... **ii** **Tambah** **i**

Senarai Dokumen Yang Tidak Dipatuhi:

- [Borang A](#)
- [Pelan Kunci / Pelan Lokasi / Pelan Susunatur \(pdf\)](#)

PSP/SP telah menerima makluman Dokumen yang perlu dipinda. (**Terdapat Pindaan**)

Ulasan **iii**: Pelan Kunci / Pelan Lokasi / Pelan Susunatur perlu dikemukakan semula kerana paparan tidak jelas.

Ulasan Pemeriksaan Pertama : Pelan Kunci / Pelan Lokasi / Pelan Susunatur perlu dikemukakan semula kerana paparan tidak jelas.

Ulasan Pemeriksaan Kedua : Tiada rekod

Ulasan Pemeriksaan Terakhir : Borang A tidak lengkap.Sila pinda semula.

Tutup **Simpan** **iv** [">>>>e-Rujukan<<<](#)

Ilustrasi 1: Tambahan Dokumen


Proses Online (3.1.2.3.1): Tambah Dokumen

- i. **Klik** butang “**Tambah**” untuk menambah dokumen yang tidak dipatuhi.
- ii. **Klik** pada **dropdown** untuk memilih Senarai Dokumen yang tidak Dipatuhi.
- iii. **Taip** segala maklumat yang perlu dan membuat Ulasan di bahagian **Ulasan**
- iv. **Klik** butang “**Simpan**” untuk menyimpan Ulasan yang telah ditambah

Nota : Sekiranya anda Penyemak 1, Ulasan anda akan dipaparkan dibahagian Ulasan Pemeriksaan Pertama,jika anda Penyemak 2, Ulasan anda akan dipaparkan di Ulasan Pemeriksaan Kedua dan seterusnya Ulasan Penyemak 3 akan dipaparkan di Ulasan Pemeriksaan terakhir.

3.1.2.3 Hantar Permohonan ke Peringkat Seterusnya (Pemeriksa Terakhir)

Selepas penyemak pertama, kedua dan ketiga telah membuat semakan dan ulasan, setiap penyemak juga boleh mendapat maklumbalas daripada pihak PSP/SP. Seterusnya Penyemak 3 juga perlu untuk membuat edaran kepada AT Dalaman dan Luaran untuk Ulasan dan Perakuan dengan klik butang "Selesai".

Senarai Semak Dokumen	
ID Projek	: 102332
Jenis Permohonan	: A12-Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan
Peringkat Pemeriksaan	: Ulasan Peringkat Terakhir
Dokumen yang tidak dipatuhi	: -Pilih- Sila taip untuk carian... <input type="button" value="Tambah"/> Senarai Dokumen Yang Tidak Dipatuhi: <ul style="list-style-type: none"> • Borang A • Pelan Kunci / Pelan Lokasi / Pelan Susunatur (pdf) 
PSP/SP telah menerima makluman Dokumen yang perlu dipinda. (Terdapat Pindaan)	
Ulasan	: Borang A tidak lengkap.Sila pinda semula. 
Ulasan Pemeriksaan Pertama	: Pelan Kunci / Pelan Lokasi / Pelan Susunatur perlu dikemukakan semula kerana paparan tidak jelas.
Ulasan Pemeriksaan Kedua	: Tiada rekod
Ulasan Pemeriksaan Terakhir	: Borang A tidak lengkap.Sila pinda semula.
 <input type="button" value="Tutup"/> <input style="border: 2px solid red; border-radius: 5px; padding: 2px 10px; margin-right: 5px;" type="button" value="Selesai"/> <input type="button" value="Simpan"/> >>>e-Rujukan<<<	



Ilustrasi 8 : Peringkat Seterusnya

Proses Online (3.1.2.3): Peringkat Seterusnya

- i. Klik butang "**Peringkat Seterusnya**" untuk menghantar Ulasan dan Semakan dokumen yang telah dibuat oleh Pihak Jabatan Urusetia OSC.

Nota : Sekiranya anda Penyemak 1, Ulasan anda akan dipaparkan dibahagian Ulasan Pemeriksaan Pertama,jika anda Penyemak 2, Ulasan anda akan dipaparkan di Ulasan Pemeriksaan Kedua dan seterusnya Ulasan Penyemak 3 akan dipaparkan di Ulasan Pemeriksaan terakhir.

Setelah anda menekan butang “**Selesai**” di ilustrasi 8, terdapat satu “pop-up” yang anda perlu baca. Sekiranya anda sudah pasti untuk ke peringkat seterusnya, sila tekan butang “**OK**” untuk membuat penghantaran ulasan dan semakan serta maklumbalas kepada PSP/SP. Ini adalah perbezaan utama antara Semakan ketiga dengan semakan pertama dan kedua.



Ilustrasi 9 Kesimpulan Ulasan

Proses Online (3.1.2.3(a)) Peringkat Seterusnya

- i. Sila taipkan **Kesimpulan Ulasan** di ruangan yang disediakan.
- ii. Klik butang “**Hantar**” untuk menghantar ulasan bagi Jabatan
- iii. Klil pada butang **Batal Permohonan** bagi fungsi membatalkan permohonan.

Contoh Surat Maklumbalas

	<p>Majlis Perbandaran Sepang Persiaran Semarak Api,Cyber 1, 63200 Cyberjaya Selangor</p> <p>Tel: 603-83190200 Fax: 603-83190220 Emel:</p>
<hr/>	
Pemilik Projek	Visentak Sdn. Bhd.
ID Projek	102193
Nama Projek	PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN BAGI TUJUAN SERAH BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA TANAH DI BAWAH SEKSYEN 204D KANUN TANAH NEGARA (KTN) UNTUK PENDIRIAN BANGUNAN KILANG SEDIADA DI ATAS LOT 11183 DAN LOT 25
ID Permohonan	102193 - 1
Jenis Permohonan	B01-Pelan Bangunan
Nama Permohonan	PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN BAGI TUJUAN SERAH BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA TANAH DI BAWAH SEKSYEN 204D KANUN TANAH NEGARA (KTN) UNTUK PENDIRIAN BANGUNAN KILANG SEDIADA DI ATAS LOT 11183 DAN LOT 25
Tarikh Permohonan	25/03/2014 12.17 PM
<hr/>	
KEHENDAK UNTUK PINDAAN DARI OSC SEKRETARIAT	
Tarikh ulasan : 27/03/2014	
Ulasan	
Borang Kiraan bayaran balik tidak lengkap.	
Dokumen Perlu Dikemaskini	
Borang A	
Pelan Lantai	
Pelan Tapak	
Kesimpulan Ulasan	
Permohonan Pelan Bangunan ini telah disemak dan diulas oleh pemeriksa Urusetia OSC	
 <p>Sila pinda kehendak-kehendak yang dinyatakan dan hantar kepada pihak kami dalam kadar segera untuk diproses ke peringkat seterusnya. Terima kasih.</p>	

Penyemak 3 juga perlu untuk mengedar permohonan kepada AT Dalaman dan AT Luaran untuk mendapatkan ulasan dan perakuan.

3.1.3 Menjana Borang Kesediaan Pemeriksaan Interim dan Pemakluman Pemeriksaan Akhir.

Pada peringkat ini hanya terdapat pada dua jenis permohonan sahaja di bahagian Perkhidmatan *Terima dan Semak / Edar Dokumen Permohonan e-Penyerahan* iaitu untuk **permohonan P3-Pemeriksaan Interim dan P4-Pemeriksaan Akhir dan Pengeluaran Surat Pengesahan CCC**.

Secara umumnya sistem akan menjana surat secara automatik dan pengguna perlu memilih jabatan yang terlibat terlebih dahulu sebelum menjana surat atau borang.

a) Penjanaan Borang Kesediaan Interim

The screenshot shows a computer interface for the Urusetia OSC system. At the top, there are three tabs: 'Urusetia OSC', 'Jawatankuasa OSC', and 'Jawatankuasa Teknikal'. Below the tabs, the URL 'Urusetia OSC > Semak/Edar Dokumen Permohonan OSC' is displayed. The main content area is divided into two sections: 'Maklumat Projek' and 'Maklumat Permohonan'. Under 'Maklumat Projek', it lists 'Pemilik Projek' as 'Syarikat 1 malaysia sdn bhd', 'Pemaju Projek' as 'Syarikat A Pemaju perhad', 'Syarikat Pakatan Pemaju Berhad', 'ID Projek' as '102364', 'Nama Projek' as 'Cadangan pembangunan Rumah taman yang mengandungi tapak A. 23 unit rumah teres dan tabak B megandungi 30 unit rumah teres', 'Tarikh Didafarkan' as '12/11/2014', and 'Kategori Projek' as 'Projek Biasa'. Under 'Maklumat Permohonan', it lists 'ID Permohonan' as '102364-3', 'Jenis Permohonan' as 'P4-Pemeriksaan Interim', 'Nama Permohonan' as 'Permohonan Pemeriksaan Interim untuk projek Cadangan pembangunan Rumah taman yang mengandungi tapak A. 23 unit rumah teres dan tabak B megandungi 30 unit rumah teres', 'Diserah Oleh' as 'Ong Kah Chuang - 03-36096000', and 'Tarikh Diserahkan' as '02/12/2014, 9:26 AM'. At the bottom, there are three buttons: 'Ulasan Senarai Dokumen', 'Borang Kesediaan Pemeriksaan Interim' (which is highlighted with a red box), and 'Edar Permohonan'.

a) **Proses Online (3.1.3(a)) Penjanaan Borang Kesediaan Interim**

Sila klik pada butang **Borang Kesediaan Pemeriksaan Interim** untuk membuat proses penjanaan surat.

i

Notis / Pemakluman Pemeriksaan

UNTUK KEGUNAAN UNIT OSC MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Kepada :

- Jabatan Perancang Bandar
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Bangunan
- Irdah Water Konsortium
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Kerja Raya Selangor
- Syarikat Bekalan Air Selangor
- Tenaga Nasional Berhad
- Jabatan Kerja Raya Sepang
- Pihak Berkuasa Air Negeri
- Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (DOSH)

Ketetapan Pemeriksaan Interim

1. Pemeriksaan Interim dilakukan oleh agensi tanpa memerlukan kehadiran pemohon.
2. Sebarang ketidakpatuhan hendaklah dikeluarkan notis ketidakpatuhan.
3. Pemohon akan terus melaksanakan kerja melainkan PBT keluar notis halang kerja tapak diteruskan.

Dokumen ini dicetak oleh komputer,
tandatangan tidak diperlukan

(Unit OSC MAJLIS PERBANDARAN SEPANG)

Jana Surat

ii

b) **Proses Online (3.1.3(a)) Penjanaan Borang Kesediaan Interim**


- i) Sila pilih jabatan yang terlibat kemudian
- ii) Tekan butang "Jana Surat" untuk menjana surat kesediaan Interim

b) Penjanaan Surat Pemakluman Pemeriksaan Akhir

The screenshot shows the 'e-Pemprosesan' system interface. At the top, there's a banner with the 'OSC ONLINE' logo, the number '1', the text 'SISTEM WEB RASMI e - Pemprosesan', and the Malaysian coat of arms. Below the banner, a navigation bar includes links for 'Urusetia OSC', 'Jawatankuasa OSC', 'Jawatankuasa Teknikal', and user information ('Mesej', 'Selamat Datang, IRWAN ZAINAL ABIDIN', 'Log Keluar'). The main content area shows 'Maklumat Projek' (Project Information) and 'Maklumat Permohonan' (Application Information). Under 'Maklumat Projek', it lists the owner ('Syarikat 1 malaysia sdn bhd'), supervisor ('Syarikat 1 malaysia sdn bhd'), and various project details like ID (102364), name ('Cadangan pembangunan Rumah taman yang mengandungi tapak A. 23 unit rumah teres dan tabak B megandungi 30 unit rumah teres'), date ('12/11/2014'), and category ('Projek Biasa'). Under 'Maklumat Permohonan', it shows the application ID (102364-4), type ('Pemeriksaan Akhir dan Pengeluaran Surat Pengesahan CCC'), and details for the application ('Permohonan Pemeriksaan Akhir dan Pengeluaran Surat Pengesahan CCC untuk projek Cadangan pembangunan Rumah taman yang mengandungi tapak A. 23 unit rumah teres dan tabak B megandungi 30 unit rumah teres'), along with the applicant ('Ong Kah Chuang - 03-36096000') and submission date ('02/12/2014, 9:27 AM'). At the bottom, there are buttons for 'Ulasan Senarai Dokumen', 'Pemakluman Pemeriksaan Akhir' (which is highlighted in red), and 'Edar Permohonan'.

c) **Proses Online (3.1.3(b)) Penjanaan Surat Pemakluman Pemeriksaan Akhir**

Sila klik pada butang **Pemakluman Pemeriksaan Akhir** untuk membuat proses penjanaan surat.



d) **Proses Online (3.1.3(b)) Penjanaan Surat Pemakluman Pemeriksaan Akhir**

Sila Pilih jenis Borang Pemeriksaan Akhir

Borang Pemeriksaan Akhir I

Notis / Pemakluman Pemeriksaan

- Borang Pemeriksaan Akhir I
- Borang Pemeriksaan Akhir II

UNTUK KEGUNAAN UNIT OSC MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Kepada :

- Ong Kah Chuang
- Jabatan Perancang Bandar
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Bangunan
- Jabatan Kerja Raya Selangor
- Syarikat Bekalan Air Selangor
- Tenaga Nasional Berhad
- Jabatan Kerja Raya Sepang
- Pihak Berkuasa Air Negeri

Tarikh pengeluaran pengesahan CCC bagi skop kerja bekalan elektrik dan bekalan air luaran dikeluarkan selewat-lewatnya 30 hari dari tarikh berikut :

Tarikh :

i

Tarikh pengeluaran pengesahan CCC bagi skop kerja jalan dan parit dikeluarkan selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh berikut :

Tarikh :

ii

Dokumen ini dicetak oleh komputer,
tandatangan tidak diperlukan

(Unit OSC MAJLIS PERBANDARAN SEPANG)

Nota :

Agenzia teknikal hendaklah mengemukakan sesalinan pengesahan CCC kepada agensi :

Urusetia OSC
Jabatan Bomba Dan Penyelamat
Indah Water Konsortium
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

iii

e) Proses Online (3.1.3(b)) Penjanaan Surat Pemakluman Pemeriksaan Akhir

- i)Sila Pilih Jabatan Yang Terlibat
- ii)Setkan tarikh pengeluaran pengesahan CCC bagi skop kerja bekalan elektrik dan air.
- iii)Setkan tarikh pengeluaran pengesahan CCC bagi skop kerja jalan dan parit.
- iv)Tekan butang “Jana Pemakluman” untuk menjana surat

Borang Pemeriksaan Akhir II

Notis / Pemakluman Pemeriksaan

Borang Pemeriksaan Akhir I
 Borang Pemeriksaan Akhir II

UNTUK KEGUNAAN UNIT OSC MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Kepada :

i 
 Ong Kah Chuang
 Incah Water Konsortium
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (DOSH)

Tarikh pengeluaran pengesahan CCC bagi skop * Sistem Pencegahan Kebakaran (Aktif dan Pasif), Pemasangan Lif / Eskalator , Sistem Retikulasi Pembentungan - Loji Rawatan Pembentungan dikeluarkan selewat-lewatnya 60 hari dari tarikh berikut :


Tarikh : 

ii 

Dokumen ini dicetak oleh komputer,
tandatangan tidak diperlukan

(Unit OSC MAJLIS PERBANDARAN SEPANG)

Nota :
Agensi teknikal hendaklah mengemukakan sesalinan pengesahan CCC kepada Urusetia OSC

* Mengikut mana-mana yang berkaitan.
Jana Pemakluman 

iii 

f) Proses Online (3.1.3(b)) Penjanaan Surat Pemakluman Pemeriksaan Akhir

- i) Sila Pilih Jabatan Yang Terlibat
- ii) Setkan tarikh pengeluaran pengesahan CCC bagi skop kerja Sistem Pencegahan kebakaran/pemasangan lift/sistem retikulasi pembentungan-loji rawatan pembentungan
- iii) Tekan butang "Jana Pemakluman" untuk menjana surat

3.1.4 Edar Permohonan

Peringkat ini merupakan peringkat yang terakhir untuk Perkhidmatan *Terima dan Semak / Edar Dokumen Permohonan e-Penyerahan*, untuk **Urusetia OSC**. Setelah **Urusetia OSC** mendapati permohonan telah lengkap Urusetia OSC perlu untuk mengedarkan permohonan ke AT Dalaman dan Luaran untuk proses seterusnya.

The screenshot shows the 'SISTEM WEB RASMI e - Pemprosesan G - Lembituosaenii' interface. At the top, there are links for 'Mesej', 'Selamat Datang, HJ AHMAD TARMIZI BIN AHMAD', and 'Log Keluar'. Below this, the main content area is divided into sections:

- Maklumat Projek** (Project Information):

Profil Projek	
Pemilik Projek	: Syarikat Yusri Pemilik Sdn Bhd
Pemaju Projek	: Syarikat Yusri Pemaju Trading
ID Projek	: 102186
Nama Projek	: CADANGAN PEMBANGUNAN 10 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1-3 TINGKAT DAN 20 UNIT RUMAH TERES 1-2 TINGKAT DI ATAS LOT 3112 TANAH SIMPANAN MELAYU KAMPUNG LABU LANJUT, MUKIM LABU, DAERAH SEPANG, SELANGOR.
Tarikh Didaftarkan	: 03/03/2014
Kategori Projek	: Projek Biasa
Cekap Dejak	: N/A
- Maklumat Permohonan** (Application Information):

ID Permohonan	: 102186-1
Jenis Permohonan	: A14-Pelan Kejuruteraan
Nama Permohonan	: Permohonan Pelan Kejuruteraan untuk projek CADANGAN PEMBANGUNAN 10 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1-3 TINGKAT DAN 20 UNIT RUMAH TERES 1-2 TINGKAT DI ATAS LOT 3112 TANAH SIMPANAN MELAYU KAMPUNG LABU LANJUT, MUKIM LABU, DAERAH SEPANG, SELANGOR.
Diserah Oleh	: Yusri Bin Ahmad Arkitek - 03-62249321 Yusri Bin Ahmad Egnr - 03-62249321 Yusri Bin Ahmad ju - 03-62249321 Yusri Bin Ahmad PB - 03-62249321
Tarikh Diserahkan	: 12/03/2014, 12:50 PM
- Maklumat Pemprosesan** (Processing Information):

Tarikh Mula Pemprosesan	: 12/03/2014
Tarikh Selesai Pemprosesan	: 16/03/2014
Baki Hari Pemprosesan	: -11 Hari
Jangkaan Mesyuarat Jawatankuasa OSC	: N/A
Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri	: N/A

At the bottom of the page, there are two buttons: 'Ulasan Senarai Dokumen' and 'Edar Permohonan'. The 'Edar Permohonan' button is highlighted with a red box.

Ilustrasi 10: Skrin Edar Permohonan

Proses Online (3.1.3(a)) Edar Permohonan

- Sila klik pada butang **Edar Permohonan** untuk membuat edaran permohonan ke Jabatan yang memproses

Edar Permohonan

No Fail OSC : i

Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa OSC : ii

Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (Jika perlu) : iii

Sila pilih Agensi Teknikal (AT) untuk permohonan diedarkan:

AT Dalaman PBT

Agenzia Teknikal (AT)

- Jabatan Perancang Bandar
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Landskap
- Jabatan Bangunan
- Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jabatan Teknologi Maklumat
- Jabatan Keselamatan

7 rekod sahaja.

iv

Agenzia Teknikal Luaran

Nama Agenzia

- Indah Water Konsortium
- Jabatan Alam Sekitar
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Kerja Raya Selangor
- Jabatan Mineral & Geosains
- Jabatan Perancangan Bandar & Desa
- Jabatan Pengairan & Saliran
- Pentadbir Tanah Daerah
- Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
- Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia
- Syarikat Bekalan Air Selangor
- Tenaga Nasional Berhad
- Jabatan Kerja Raya Sepang

13 rekod sahaja.

1

* : Telah Diedar

V

Edar Permohonan **Tutup**

*Ilustrasi 11: Skrin Edar Permohonan ke Jabatan-Jabatan***Proses Online (3.1.4(b)): Edar Permohonan ke Jabatan-Jabatan**

- i. **Klik** butang **Edar Permohonan** pada Ilustrasi 5 dan anda akan dipaparkan Ilustrasi diatas.
- ii. **Taip** Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa OSC sebagai panduan untuk AT Dalaman.
- iii. **Taip** Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (jika perlu) sebagai panduan untuk Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan.
- iv. **Tanda** butang-butang Jabatan AT Dalaman dan Luaran untuk Ulasan.
- v. **Klik** butang **Edar Permohonan** untuk membuat edaran.

3.2 Terima Dan Semak/Edar e-Permintaan Perkhidmatan

A. Gambaran Keseluruhan

Perkhidmatan ini adalah untuk penerimaan permintaan dan memproses permintaan PSP/SP sewaktu permohonan kawalan pemajuan dan sewaktu perlaksanaan pemajuan.

Terdapat beberapa jenis Perkhidmatan (sebagai *contoh*) untuk perlaksanaan, iaitu:-

1. Notis untuk memulakan kerja-kerja Bangunan
2. Notis untuk Memulakan Fasa Pemajuan.
3. Lain-Lain Perkhidmatan.

B. Mengenai Perkhidmatan

Perkhidmatan ini membolehkan pemrosesan perkhidmatan untuk yang berikut :-

3.2.1 Menerima Permintaan


3.2.2 Semakan Pematuhan dan Maklumbalas kepada PSP/SP

3.2.3 Edar Permohonan kepada AT Dalaman.

Ianya adalah sistem elektronik berintegrasi sepenuhnya untuk permintaan diatas dimana maklumbalas boleh dihantar terus kepada PSP/SP secara *online*.

C. Penggunaan Perkhidmatan

Perkhidmatan ini adalah untuk menerima dan memproses permintaan perkhidmatan untuk projek-projek dalam permohonan atau semasa perlaksanaan pemajuan. Kepada **Urusetia OSC**, perkhidmatan ini bertujuan sebagai suatu platform untuk menerima permintaan perkhidmatan untuk perlaksanaan pemajuan yang lebih effisien dan effektif.



Ilustrasi 12: Skrin Akses e- Permintaan e-Perkhidmatan



The screenshot shows the official website for e-Permitaan Perkhidmatan (OSC Online). The header features the OSC logo, the number '1', the text 'SISTEM WEB RASMI e - Pemprosesan G - PEMPROSESAN', the Malaysian coat of arms, and a welcome message '(Mesej) Selamat Datang, ASMAHAN BINTI ABDULLAH - Log Keluar'. Below the header, there are navigation links for 'Urusetia OSC', 'Jawatankuasa OSC', and 'Jawatankuasa Teknikal'. The main content area displays a search form with fields for 'Carian' (Search), 'ID Projek', 'Nama Projek', 'Kategori Projek' (All), 'Mukim' (All), and a 'Cari' button. A red starburst labeled 'ii' highlights the search bar. Below the search form, a message 'Tiada Rekod Dijumpai' (No records found) is displayed. The main table, titled 'e-Permitaan Perkhidmatan', lists five project applications:

ID Permohonan	Jenis Permohonan	ID Projek	Jenis Projek	Peringkat Sekarang (Status)	Diserah Oleh	Tarikh Diserah	Tarikh Diserah Semula
101510-2	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH BANGLO 2 TINGKAT DIATAS LOT 6272 (PT 48227), JALAN AHMAD KHUSASI, BATU 28 1/2, JENDERAM HULU, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN	101510	Projek Biasa	Semak Dan Edar (Proses)	WAN NORARJUNA BIN WAN MUSTAFA	05 Aug 2013, 14:45	
100777-1	infra	100777	Projek Biasa	Semak Dan Edar (Proses)	wong choo hooi	04 Jan 2013, 08:38	
100777-2	permohonan pelan jalan dan perparitan bagi cadangan perumahan di atas lot 440 dan 441 seluas 5.129 ekar, mukim labu, daerah sepang, selangor darul ehsan.	100777	Projek Biasa	Semak Dan Edar (Proses)	wong choo hooi	25 Apr 2013, 15:47	
101057-1	Chua Eng Thye	101057	Projek Biasa	Semak Dan Edar (Proses)	Zolkarnain Abd Rahim	29 Mar 2013, 09:32	
101057-2	Chua Eng Thye	101057	Projek Biasa	Semak Dan Edar (Proses)	Zolkarnain Abd Rahim	03 Apr 2013, 09:16	

Below the table, a note states '105 rekod , paparan 101 hingga 105.' and a link 'Permohonan yang telah diproses'. At the bottom right of the table, there are links for 'Awal', 'Sebelum', and numbers 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11.

Ilustrasi 13(a): Skrin Terima dan Semak Permintaan e-Perkhidmatan

Proses Online (3.2): Carian Projek

- Klik pada **ID Permohonan** untuk mengakses terus Profil Projek dan permohonan
- Sila klik pada pautan “Carian” untuk membuat cari secara mudah, Sila masukkan **ID Projek**, **Nama Projek**, **Kategori Projek** dan **Mukim**, seterusnya tekan butang “Cari” untuk memudahkan pencarian.

Nota: Nombor dari ruangan navigasi ID Permohonan akan bertukar dari warna biru ke warna hitam jika ID Permohonan tersebut pernah dilihat sebelum ini dan telah diproses tetapi masih belum dihantar keperingkat seterusnya. Hanya projek-projek yang telah didaftar oleh PSP/SP akan berada di skrin ini.

3.2.1 Menerima Dan Memproses Permintaan e-Perkhidmatan

Setelah membuat pilihan permintaan, skrin maklumat keseluruhan projek beserta dokumen (diserahkan oleh PSP/SP) seperti *Ilustrasi 14* akan tertera. Disini, terdapat butang-butang untuk Urusetia OSC melaksanakan tugas-tugas online seperti berikut :-

- i) **Menyemak Permohonan.** Butang **Ulasan Senarai Dokumen** perlu ditekan untuk menyemak kriteria Dokumen untuk Urusetia OSC atau
